

Headline	Rosmah terima anugerah amal Asia		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	17 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	6	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	255 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,600
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,800



**ROSMAH** menerima Anugerah Wanita Peneraju Kebajikan Asia daripada Le Ray pada Forum Wanita Dalam Kepemimpinan 2012, malam tadi.

## Rosmah terima anugerah amal Asia

**K**UALA LUMPUR: Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, malam tadi menerima Anugerah Wanita Peneraju Kebajikan Asia, sebagai tanda pengiktirafan terhadap dedikasi dan komitmen beliau dalam pelbagai kerja amal.

Rosmah menjadi penerima sulung anugerah itu yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif NASEBA, Sophie Le Ray, pada majlis jamuan malam sempena Forum Wanita Dalam Kepemimpinan 2012 di sini.

NASEBA adalah sebuah syarikat

maklumat perniagaan.

Pengacara majlis, Asha Gill, dalam ucapannya berkata anugerah itu adalah sebagai tanda penghargaan terhadap sumbangan Rosmah dalam Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak (PERMATA) dan kerja amal, antara lain, Majlis AIDS Malaysia dan Yayasan Institut Jantung.

Katanya pada masa depan, anugerah itu akan dinamakan atas nama Rosmah.

Sementara itu, Pengarah Urusan Monster.Com bagi India, Asia Barat dan Asia Tenggara, Sanjay Modi

berkata anugerah itu akan memberi tenaga kepada wanita supaya aktif dalam kerja amal serta meningkatkan pencapaian dalam semua bidang.

“Saya percaya wanita boleh berjaya dalam semua bidang termasuk perniagaan dan ini membuktikan wanita sentiasa mempunyai kapasiti yang tinggi,” katanya dalam ucapan pada majlis itu.

Forum dua hari yang bermula hari ini dihadiri oleh peserta dari Australia, Bangladesh, Thailand, Filipina, Singapura, Vietnam dan Malaysia. - BERNAMA